

02 JAN 2004

BESSAR-ZAKARIA

BEKAS SETIAUSAHA AKHBAR DR MAHATHIR SERTAI ANAK SYARIKAT BERNAMA

KUALA LUMPUR, 2 Jan (Bernama) -- Datuk Zakaria Abdul Wahab, bekas setiausaha akhbar kepada Tun Dr Mahathir Mohamad, telah dilantik sebagai pengarah eksekutif Bessar (Bernama Systems and Solutions Advisory Services), syarikat berasaskan teknologi yang dimiliki sepenuhnya Bernama.

Zakaria, 46, menyertai Bernama sebagai pemberita pada 1980 dan memegang pelbagai jawatan di jabatan pengarang termasuk ketua biro Pulau Pinang dari 1985 hingga 1987, ketua biro Sarawak dari 1987 hingga 1991, dan pengarang berita di perkhidmatan berita ekonomi pada awal 1992.

Beliau dipinjamkan ke Pejabat Perdana Menteri pada lewat 1992 sebagai penolong setiausaha akhbar dan kemudiannya telah dilantik sebagai setiausaha akhbar.

Zakaria, graduan komunikasi massa daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM), mempunyai perjalanan kerjaya kewartawanan yang cemerlang dan telah memenangi beberapa anugerah (MPI) Institut Akhbar Malaysia pada era 1980an.

Bernama dalam satu kenyataan hari ini menyatakan pengalaman luas Zakaria akan dapat membantu menggerakkan Bessar menjadi peserta utama dalam perniagaan sistem dan penyelesaian.

Bessar yang disokong oleh pasukan teknikal berpengalaman yang mengendalikan sistem editorial berkomputer sejak 1984, sedang membida beberapa projek e-kerajaan dan e-pendidikan. -- BERNAMA

SJ SHY ZK